2014

SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

127 Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

130 Trend dan Perkembangan Utama dalam Sistem Pembayaran Runcit

136 Mempertingkatkan Kerjasama Merentas Sempadan dan Serantau

Pada tahun 2014, Bank Negara Malaysia (Bank) terus memastikan keselamatan dan daya tahan infrastruktur pembayaran dalam negara untuk menyokong sektor kewangan dan ekonomi. Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013), Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK) ditetapkan sebagai sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik, yang sekiranya berlaku gangguan terhadap sistem tersebut boleh menjejaskan keyakinan orang ramai atau kestabilan monetari dan kewangan. Sistem-sistem tersebut tertakluk kepada keperluan pengawasan dan pengawalseliaan Bank untuk memelihara integriti dan kebolehpercayaannya sebagai infrastruktur pasaran yang amat penting. Selain itu, Bank juga meluluskan dan membuat pengawasan terhadap beberapa sistem pembayaran runcit utama dan instrumen pembayaran bagi tujuan menggalakkan kecekapan, integriti dan kebolehpercayaan pengendaliannya.

Sistem pembayaran dan penyelesaian bernilai tinggi (large value payment and settlement, LVPS) dan sistem pembayaran runcit ini beroperasi dengan lancar tanpa gangguan besar. Walau bagaimanapun, Bank terus menumpukan usaha pada pengukuhan kesinambungan perniagaan dan pengaturan kontingensi bagi sistem tersebut untuk terus meningkatkan daya tahan sistem. Pengaturan ini diuji dengan rapi di bawah ujian pemulihan bencana langsung yang dijalankan untuk memastikan pemulihan segera dan penyambungan semula operasi LVPS tepat pada masanya. Langkah-langkah juga diambil untuk menambah baik infrastruktur sistem pembayaran runcit dengan jangkaan bahawa jumlah urus niaga pembayaran runcit akan terus meningkat. Secara kolektif, perkembangan ini terus mengurangkan risiko sistemik.

Pada tahun 2014, Bank terus menggalakkan keyakinan pengguna terhadap penggunaan perkhidmatan pembayaran secara elektronik (e-pembayaran). Meskipun kejadian penipuan pembayaran kekal rendah, para penipu telah mencuba kaedah baharu untuk melakukan penipuan perbankan dalam talian, lantas memerlukan orang ramai untuk mengambil sikap lebih berhati-hati. Selain pengemaskinian berterusan terhadap pengaturan keselamatan oleh bank dan pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan untuk menangani ancaman penipuan yang timbul, pengaturan perlindungan pengguna juga ditambah baik bersama-sama dengan program berterusan untuk mendidik pengguna tentang cara membuat pembayaran dan pemindahan dalam talian secara selamat.

MENGGALAKKAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Pengawasan Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS)

Pada tahun 2014, RENTAS menyelesaikan urus niaga sebanyak RM49.1 trilion, iaitu 45.9 kali keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia, berbanding dengan RM46.4 trilion pada tahun 2013. Purata harian bagi jumlah dan nilai urus niaga masing-masing meningkat 10.5% dan 6.2%, kepada 17,753 urus niaga dan RM199.7 bilion pada tahun 2014 daripada 16,061 urus niaga dan RM188 bilion pada tahun 2013 (Rajah 5.1). Penyelesaian pasaran wang antara bank, sekuriti dan pertukaran asing berjumlah

Rajah 5.1

RENTAS: Purata Harian Mengikut Bilangan dan Nilai



Sumber: Bank Negara Malaysia

RM26.3 trilion atau 53.5% daripada jumlah nilai urus niaga RENTAS, manakala baki urus niaga pula kebanyakannya merupakan pindahan dana oleh Kerajaan dan syarikat. Peningkatan jumlah urus niaga didorong sebahagian besarnya oleh pindahan dana pihak ketiga yang meningkat pada kadar purata 14.5% sejak empat tahun yang lalu.

Meskipun operasi RENTAS terus mengekalkan tahap ketersediaan pengendalian yang tinggi tanpa sebarang gangguan sistem pada tahun 2014, empat kejadian kecil berlaku apabila kesilapan teknikal dalam operasi sistem pembayaran runcit telah mengakibatkan sedikit kelewatan dalam penyelesaian kedudukan penjelasan bersih antara bank. Ini menunjukkan kebergantungan antara RENTAS dengan kebolehpercayaan pengendalian sistem pembayaran runcit yang membuat penyelesaian melalui RENTAS. Untuk mengurangkan kemungkinan kejadian yang sama berulang, beberapa langkah telah diambil untuk menambah baik infrastruktur sistem pembayaran runcit. Insentif yang kukuh kepada peserta turut disediakan untuk memastikan kebolehpercayaan pengendalian menerusi pelaksanaan sistem penalti bagi gangguan yang berlaku dalam proses penjelasan dan penyelesaian.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan keupayaan RENTAS menyambung semula perkhidmatan tepat pada masanya jika berlaku sebarang gangguan, satu latihan simulasi `kegagalan pada pertengahan hari´ (mid-day failure) telah dijalankan oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) untuk menguji keberkesanan pengaturan pemulihan bencana (disaster recovery, DR). Ini merupakan langkah tambahan kepada rutin ujian langsung DR bulanan dan ujian langsung DR-ke-DR dua kali setahun. Latihan tersebut yang dijalankan pada hujung minggu dan melibatkan penyertaan 66 ahli RENTAS, membuat simulasi kegagalan RENTAS pada pertengahan hari dan penyambungan semula operasi RENTAS di premis DR MyClear. Dalam latihan ini, operasi RENTAS disambung semula dalam masa satu jam, iaitu masih dalam lingkungan dua jam masa pemulihan.

Kekerapan penyelesaian GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG) dalam RENTAS bertambah daripada dua kali kepada lima kali sehari untuk membolehkan pengkreditan yang lebih cepat ke dalam akaun pelanggan. Hasilnya, bagi urus niaga IBG yang dijalankan antara pukul 12.30 tengah hari hingga 5.00 petang, dana kini boleh diterima pada hari yang sama. Untuk mengurangkan risiko kredit antara bank, penyelesaian antara bank bagi urus niaga IBG kini dibuat dahulu sebelum pengkreditan akaun pelanggan. Untuk memenuhi kekerapan penyelesaian kedudukan IBG yang lebih tinggi, waktu operasi RENTAS dilanjutkan dari pukul 6.00 petang kepada 9.00 malam mulai 8 Disember 2014. Untuk memudahkan penyelesaian obligasi IBG pada sebelah petang, Bank turut memperkenalkan Kemudahan Pendanaan Semalaman Berkolateral secara Automatik (Automated Collateralised Overnight Funding Facility) untuk membolehkan peserta IBG mendapatkan dana selepas pasaran wang ditutup.

Kekerapan penjelasan GIRO Antara Bank (IBG) dalam RENTAS telah bertambah daripada dua kali kepada lima kali sehari

Pengawasan Pembayaran Runcit

Sistem pembayaran runcit utama dan eSPICK

Beberapa inisiatif utama telah diambil untuk menambah baik infrastruktur sistem pembayaran runcit dengan jangkaan bahawa urus niaga e-pembayaran akan terus meningkat. Pada bulan Jun 2014, langkah penggantian teknologi (technology refresh) telah dilaksanakan untuk menaik taraf perkakasan dan perisian sistem IBG. Hasil daripada peningkatan keupayaan dan kecekapan sistem IBG akan memastikan sistem tersebut berupaya mengendalikan jumlah urus niaga IBG yang semakin meningkat. Ujian tekanan menunjukkan bahawa sistem IBG yang ditambah baik berupaya untuk memproses sekali ganda jumlah urus niaga maksimum bagi setiap jendela. Langkah penggantian teknologi turut dilaksanakan untuk Rangkaian ATM Perkongsian (Shared automated teller machine (ATM) Network, SAN) dan sistem kad debit domestik, yang meningkatkan keupayaan pemprosesan urus niaga.

eSPICK kekal berdaya tahan dan terus beroperasi tanpa sebarang gangguan besar sepanjang tahun 2014. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kebolehpercayaan eSPICK berterusan, usaha menaik taraf perkakasannya akan dilaksanakan pada tahun 2015, yang dijangka melanjutkan jangka masa penggunaannya untuk lima tahun lagi.

Bank juga menjalankan penyeliaan terhadap pengendali sistem pembayaran. Pada tahun 2014, aktiviti penyeliaan tertumpu pada usaha memastikan kebolehpercayaan pengendalian sistem pembayaran runcit, pengaturan kesinambungan perniagaan yang cukup dan keupayaan sistem untuk menyokong jumlah urus niaga e-pembayaran yang lebih tinggi. Penilaian ini merumuskan bahawa sistem ini mempunyai skala dan keupayaan yang mencukupi untuk memenuhi jangkaan peningkatan jumlah urus niaga. Ujian langsung DR dua kali setahun turut dijalankan ke atas sistem pembayaran runcit bagi memastikan sistem ini terus berdaya tahan sekiranya berlaku bencana di pusat data utama.

Penipuan pembayaran

Penipuan yang berkaitan dengan penggunaan kad pembayaran, perbankan dalam talian dan cek, kekal rendah pada tahun 2014 (Rajah 5.2 dan Rajah 5.3). Ini adalah hasil daripada pelbagai langkah yang diambil untuk menambah baik ciri keselamatan pembayaran seperti perpindahan kepada kad berasaskan cip pada tahun 2005 dan pelaksanaan kaedah pengesahan (authentication) yang mantap bagi urus niaga dalam talian sejak bulan April 2012, yang memerlukan pemegang kad memasukkan kata laluan yang unik setiap kali (one-time password) mengesahkan urus niaga dalam talian. Kebanyakan penipuan kad pembayaran dalam talian di Malaysia melibatkan peniaga e-perdagangan asing. Kira-kira 93% daripada jumlah kerugian akibat penipuan dalam talian ditanggung oleh institusi kewangan asing di luar negara yang masih belum melaksanakan kaedah pengesahan yang mantap. Hal ini selaras dengan peraturan skim kad pembayaran yang menghendaki pihak yang mempunyai ciri keselamatan yang lebih lemah untuk menanggung kerugian akibat penipuan.

Rajah 5.2

Penipuan, % daripada Jumlah Urus Niaga



*Kad pembayaran terdiri daripada kad kredit, kad debit dan kad caj
*Perbankan dalam talian merujuk kepada urus niaga perbankan dalam talian yang dijalankan oleh individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.3

Penipuan, % daripada Jumlah Nilai Urus Niaga



*Kad pembayaran terdiri daripada kad kredit, kad debit dan kad caj
*Perbankan dalam talian merujuk kepada urus niaga perbankan dalam talian yang dijalankan oleh individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penipuan yang berkaitan dengan penggunaan kad pembayaran, perbankan dalam talian dan cek, kekal rendah pada tahun 2014 hasil daripada pelbagai langkah yang diambil untuk menambah baik ciri keselamatan pembayaran

Pada bulan Februari 2014, Bank mengeluarkan peraturan untuk menaikkan tahap keperluan keselamatan minimum bagi kad debit dan kad caj supaya setara dengan keperluan untuk kad kredit. Keperluan keselamatan ini termasuklah pelaksanaan pemberitahuan urus niaga dan kaedah pengesahan yang mantap bagi urus niaga dalam talian. Bank juga menghendaki institusi kewangan membenarkan hanya urus niaga yang tidak memerlukan kad secara fizikal (card-not-present, CNP) bagi (pesanan melalui pos, pesanan melalui telefon atau pembelian dalam talian) dan urus niaga di luar negara bagi kad debit dan kad prabayar atas permintaan pemegang kad. Langkah ini terus mengurangkan risiko yang berkaitan dengan urus niaga sedemikian. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh ciri keselamatan kad pembayaran, Bank turut

menetapkan tarikh akhir, iaitu pada 1 Januari 2017, kepada semua pengeluar dan pemeroleh kad untuk membolehkan pengesahan `Cip dan PIN´ bagi urus niaga di terminal semasa jualan (point-of-sale, POS).

Bank telah menetapkan tarikh akhir pada 1 Januari 2017 kepada semua pengeluar dan pemeroleh kad pembayaran untuk membolehkan pengesahan `Cip dan PIN´ bagi urus niaga di terminal semasa jualan (point-of-sale, POS)

Pada tahun 2014, satu modus operandi baharu untuk penipuan perbankan dalam talian telah dikesan, yang melibatkan pencurian maklumat perbankan daripada komputer atau telefon pintar mangsa dengan menggunakan perisian *malware* yang canggih. Untuk menangani ancaman baharu ini, bank dan pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan memperkukuh langkah pengurusan risiko masing-masing dengan menentukur semula (recalibrating) parameter risiko dalam sistem pengesanan penipuan berdasarkan profil risiko ancaman penipuan terkini dalam perbankan dalam talian dan instrumen pembayaran. Peringatan keselamatan juga terus dikeluarkan kepada pelanggan di pusat tumpuan utama untuk mendidik pengguna tentang cara melindungi diri daripada penipuan. Kaedah penipuan baharu dan lebih canggih lazimnya boleh menambah kesulitan yang dihadapi pengguna kerana masa yang lebih panjang mungkin diperlukan untuk menyiasat kejadian penipuan bagi menentukan liabiliti. Untuk menangani isu ini, institusi kewangan dikehendaki mengkreditkan akaun pelanggan buat sementara waktu sekiranya penyiasatan penipuan oleh penyiasat tidak dapat diselesaikan dalam masa yang berpatutan. Ini penting bagi mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap e-pembayaran. Namun demikian, untuk mengelakkan risiko penipuan tuntutan, institusi kewangan juga mengeluarkan peringatan yang mencukupi kepada pelanggan berhubung dengan tindakan yang boleh diambil terhadap sebarang percubaan untuk membuat tuntutan palsu.

Meskipun penipuan cek kekal kecil berbanding dengan jumlah urus niaga cek, MyClear sedang dalam proses menambah baik mekanisme yang sedia ada untuk menyelesaikan pertikaian di bawah peraturan penyertaan dan operasi eSPICK bagi menangani bentuk penipuan cek yang timbul. Satu daripada bentuk penipuan cek ialah pemintasan cek yang dihantar menggunakan sampul surat bercetak yang diberikan oleh penerima. Memandangkan langkah berjaga-jaga yang diambil pengguna merupakan pertahanan paling awal terhadap penipuan, bank terus proaktif dalam perkongsian maklumat dan usaha memberitahu pengguna mengenai kaedah penipuan yang digunakan.

TREND DAN PERKEMBANGAN UTAMA DALAM SISTEM PEMBAYARAN RUNCIT

Penggunaan Wang Tunai

Pada tahun 2014, nilai wang tunai dalam edaran (cash-in-circulation, CIC) meningkat 8.5% kepada RM68 bilion, manakala nisbah CIC kepada KDNK kekal pada 6.4%. Nisbah CIC Malaysia kepada KDNK, yang meningkat dengan stabil sejak tahun 2010, nyata lebih tinggi berbanding dengan negara-negara maju seperti Norway, Sweden, Denmark dan United Kingdom (UK), yang penggunaan kad debitnya adalah lebih meluas (Rajah 5.4). Berbanding dengan tahun 2013, pengeluaran wang tunai di ATM pada tahun 2014 masing-masing meningkat 10.9% dan 10% dari segi jumlah dan nilai, kepada 583.8 juta urus niaga yang berjumlah RM315.1 bilion. Meskipun urus niaga kad debit turut meningkat dalam tempoh yang sama, kepada 68.8 juta urus niaga dengan

Rajah 5.4

Perbandingan antara Negara bagi CIC sebagai bahagian daripada KDNK



Sumber: Bank Negara Malaysia, European Central Bank Statistical Data Warehouse dan Norges Bank

nilai RM14.8 bilion, nisbah urus niaga kad debit kepada pengeluaran wang tunai di ATM kekal sangat rendah, iaitu satu urus niaga kad debit bagi setiap lapan pengeluaran wang tunai di ATM (Rajah 5.5). Statistik ini menunjukkan penggunaan wang tunai terus menjadi medium pembayaran utama di Malaysia.

Pembayaran Runcit Bukan Tunai

Penggunaan e-pembayaran terus meningkat manakala penggunaan cek menurun berbanding dengan instrumen pembayaran bukan tunai lain (Rajah 5.6). Pada tahun 2014, sebanyak 92.5% daripada pembayaran bukan tunai dibuat secara elektronik berbanding 85.6% pada tahun 2010. Jumlah urus niaga e-pembayaran meningkat daripada 1.2 bilion pada tahun 2010 kepada 2.2 bilion pada tahun 2014. Pada asas per kapita, ini merupakan peningkatan daripada 43 urus niaga e-pembayaran bagi setiap individu pada tahun 2010, kepada 72 urus niaga pada tahun 2014.

Penggunaan e-pembayaran terus meningkat manakala penggunaan cek menurun berbanding dengan instrumen pembayaran bukan tunai yang lain

Jumlah cek yang digunakan menurun dengan ketara pada tahun 2014, kepada 177.1 juta cek bernilai RM1.9 trilion. Ini merupakan penurunan 10.1% berbanding penurunan 3.3% pada tahun lalu, yang disebabkan terutamanya oleh pengenalan pembaharuan penentuan harga, perkhidmatan IBG yang lebih baik dan kempen kesedaran untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran (Rajah 5.7).

Rajah 5.5

Jumlah Urus Niaga Pengeluaran Tunai Melalui ATM dan Kad Debit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.6

Pembayaran Runcit Bukan Tunai



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan IBG antara bank menggalakkan

Dengan pengenalan kadar fi urus niaga yang sama, iaitu 10 sen pada bulan Mei 2013, urus niaga IBG meningkat 36.2% kepada 113.6 juta urus niaga bernilai RM432.5 bilion berbanding dengan tahun sebelumnya. Untuk memperluas akses kepada e-pembayaran, bank telah membolehkan ATM digunakan untuk membuat pindahan dana secara elektronik (electronic funds transfer, EFT) melalui IBG.

Rajah 5.7

Jumlah Urus Niaga Cek dan IBG



Sumber: Bank Negara Malaysia

Ini bagi memenuhi keperluan segmen masyarakat yang tidak mempunyai akses kepada Internet. Pelanggan kini boleh membuat pindahan dana melalui IBG atau Pindahan Dana Antara Bank (Interbank Fund Transfer, IBFT) pada kadar 30 sen atau kurang, di 9,945 ATM di seluruh negara yang merupakan 80% daripada jumlah ATM di Malaysia. Bank-bank juga telah meletakkan kios Internet layan diri di cawangan terpilih untuk pelanggan menjalankan urus niaga IBG dan urus niaga perbankan dalam talian yang lain. Kini, kira-kira 85% daripada jumlah cawangan bank di seluruh negara telah mempunyai sekurang-kurangnya sebuah kios.

Perkhidmatan IBG juga telah ditambah baik untuk meningkatkan kemudahan kepada pengguna. Bagi memudahkan penyelarasan pembayaran, nama pembayar dan rujukan pembayaran kini dipaparkan dalam penyata akaun bank benefisiari. Perkhidmatan IBG tarikh hadapan (future-dated) juga diperkenalkan untuk membolehkan urus niaga IBG diproses pada tarikh terkemudian, sama seperti cek tarikh hadapan.

Perkhidmatan IBG tarikh hadapan juga diperkenalkan untuk membolehkan urus niaga IBG diproses pada tarikh terkemudian, sama seperti cek tarikh hadapan

Kad pembayaran

Penggunaan kad pembayaran (kad debit, kad kredit dan kad caj) meningkat 8.6% dari segi jumlah dan 8.8% dari segi nilai kepada 419.1 juta urus niaga bernilai RM128.8 bilion pada tahun 2014, daripada 385.8 juta urus niaga bernilai RM118 bilion pada tahun 2013. Kad kredit kekal sebagai kad pembayaran yang paling banyak digunakan, mencakupi 82.5% daripada jumlah urus niaga, manakala kad debit dan kad caj masing-masing mencakupi 16.4% dan 1% (Rajah 5.8).

Meskipun penembusan kad pembayaran berasaskan cip yang selamat adalah tinggi di Malaysia (43.4 juta kad debit dan 8.2 juta kad kredit untuk 30.3 juta orang penduduk), namun terdapat hanya 239,802 terminal POS atau lapan terminal POS bagi setiap 1,000 orang penduduk.

Rajah 5.8

Perbelanjaan Kad Pembayaran Mengikut Jenis Kad



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar pertumbuhan terminal POS juga nyata lebih perlahan, daripada 14.6% pada tahun 2011 kepada hanya 5.3% pada tahun 2014, menandakan kemungkinan kapasiti terminal POS telah digunakan sepenuhnya oleh peniaga peringkat lebih tinggi, yang mampu membayar kadar diskaun peniaga pada paras semasa. Nisbah urus niaga kad debit kepada urus niaga kad kredit yang lebih rendah dan pertumbuhan terminal POS yang lebih perlahan mengesahkan terdapat beberapa herotan dalam pasaran kad pembayaran yang membawa kepada pelaksanaan pelbagai langkah oleh Bank untuk membuat pembaharuan terhadap industri kad pembayaran.

Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran

Pada tahun 2013 dan 2014, Bank telah menjalankan satu kajian menyeluruh terhadap fi pertukaran serta peraturan dan amalan kad pembayaran negara ini berikutan beberapa kenaikan fi pertukaran dalam pasaran kad pembayaran domestik. Fi pertukaran ialah fi yang biasanya dibayar oleh bank peniaga (pemeroleh) kepada bank pemegang kad (pengeluar) untuk menampung kos yang ditanggung bagi memudahkan urus niaga kad pembayaran. Kajian ini menunjukkan rejim fi pertukaran yang sedia ada di Malaysia telah mewujudkan kesan herotan kepada insentif, yang menggalakkan promosi penggunaan kad pembayaran berkos lebih tinggi lantas menjejaskan penggunaan kad pembayaran lain yang berkesan dari segi kos. Pengendali rangkaian kad pembayaran bersaing sesama sendiri bukan dengan cara menurunkan fi yang dikenakan ke atas pengeluar dan pemeroleh, tetapi dengan menaikkan fi

pertukaran sebagai insentif bagi pengeluaran dan promosi kad bayaran di bawah jenama mereka. Kenaikan fi pertukaran yang sewenang-wenang ini seterusnya meningkatkan prospek kenaikan kadar diskaun peniaga (merchant discount rate, MDR) di seluruh sistem, yang mungkin dipindahkan kepada pengguna melalui harga barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Peningkatan kos penerimaan kad pembayaran juga akan mengekang rangkaian POS daripada berkembang, terutamanya dalam kalangan peniaga lebih kecil yang tidak mampu membayar kos MDR yang lebih tinggi. Bank juga mendapati peraturan dan amalan tertentu dalam industri kad pembayaran adalah kurang telus dan menyekat persaingan yang boleh mengekang penggunaan dan penerimaan kad pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos secara lebih meluas di Malaysia.

Berikutan kajian tersebut, Bank mengeluarkan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Rangka Kerja) pada tahun 2014 dengan tujuan untuk membangunkan industri kad pembayaran yang lebih cekap, telus dan berdaya saing di Malaysia. Khususnya, Rangka Kerja ini bertujuan memastikan kos penerimaan kad pembayaran adalah saksama dan berpatutan selain menggalakkan penggunaan dan penerimaan kad pembayaran yang berkesan dari segi kos secara lebih meluas.

Bank mengeluarkan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran dengan tujuan untuk membangunkan industri kad pembayaran yang lebih cekap, telus dan berdaya saing

Langkah-langkah utama

Rangka Kerja ini mempunyai dua teras utama. Teras pertama ialah memperkenalkan mekanisme yang objektif dan telus bagi penetapan fi pertukaran untuk urus niaga kad pembayaran domestik.

Jadual 5.1

Had Fi Pertukaran bagi Urus Niaga Kad Pembayaran Domestik

Urus Niaga Kad Pembayaran	Kadar Fi Pertukaran Semasa	Had Fi Pertukaran
Kad debit domestik	0.40%	• **`0.15%´ atau `50 sen + 0.01%´** (yang mana lebih rendah) • **0%** (untuk pembayaran kepada Kerajaan)[1]
Kad debit / prabayar antarabangsa	0.99% - 1.20%	• **`0.21%´ atau `70 sen + 0.01%´** (yang mana lebih rendah) • **0%** (untuk pembayaran kepada Kerajaan)
Kad kredit	1.32% - 1.80%	• **1.10%[2]** (dari tahun 2015 hingga tahun 2020) • **0.48%** (mulai tahun 2021)

1 Fi pertukaran sifar untuk pembayaran kepada Kerajaan atau agensi Kerajaan untuk enam tahun (dari tahun 2015 hingga tahun 2020)
2 Had adalah sebanyak 1.1% jika Dana Pembangunan Pasaran diwujudkan, jika tidak had ditetapkan pada 1.0%

Sumber: Bank Negara Malaysia

Di bawah mekanisme ini, fi pertukaran bagi urus niaga kad debit, kad prabayar dan kad kredit tertakluk kepada had yang ditetapkan berasaskan struktur kos yang mendasari setiap kad pembayaran (Jadual 5.1). Ini seterusnya akan menjadikan kad debit dan kad prabayar lebih berkesan dari segi kos, lantas meningkatkan penerimaannya oleh lebih ramai peniaga. Sebagai langkah untuk mempercepat penerimaan kad pembayaran oleh Kerajaan yang mencakupi sebahagian besar daripada urus niaga pembayaran, had fi pertukaran bagi kad debit dan kad prabayar akan ditetapkan pada kadar sifar untuk tempoh enam tahun.

Susulan perbincangan dengan industri, had fi pertukaran yang lebih tinggi daripada kos berkaitan urus niaga yang layak bagi kad kredit, telah dikekalkan untuk tempoh interim antara tahun 2015 hingga 2020. Ini bertujuan mewujudkan agihan kewangan oleh industri yang akan disalurkan kepada penambahbaikan infrastruktur kad pembayaran domestik dan untuk menggalakkan penggunaan kad debit. Industri kad pembayaran komited terhadap beberapa sasaran tahunan dalam

Jadual 5.2

Penunjuk Industri dari Tahun 2015 hingga Tahun 2020

Penunjuk Industri	2015	2016	2017	2018	2019	2020
1) Terminal POS kumulatif* *termasuk 30% terminal tanpa sentuhan	280,000	330,000	430,000	560,000	690,000	800,000
2) Urus niaga kad debit (juta)	89	137	246	433	681	1,000

Sumber: Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia dan National Cards Group (NCG)

tempoh ini (Jadual 5.2) yang akan menjadi asas untuk memastikan agihan kewangan telah disalurkan untuk tujuan yang sewajarnya, iaitu memperluas penggunaan dan penerimaan kad debit untuk tujuan pembayaran. Bank akan memantau dengan rapi pencapaian sasaran yang ditetapkan, dan kegagalan untuk memenuhi sasaran akan mengakibatkan had interim diturunkan ke paras kos berkaitan urus niaga yang layak, berdasarkan formula yang ditetapkan terlebih dahulu.

Rangka Kerja ini akan memperkenalkan mekanisme yang objektif dan telus untuk menetapkan fi pertukaran bagi urus niaga kad pembayaran domestik

Teras kedua Rangka Kerja ini ialah meningkatkan ketelusan dan menggalakkan persaingan dalam pasaran kad pembayaran, selain melindungi kepentingan pengguna (Jadual 5.3). Langkah-langkah yang menyokong teras ini sebahagian besarnya disasarkan untuk memperbaik isyarat harga dan memberi peniaga lebih banyak kawalan terhadap kos yang boleh ditanggung oleh mereka bagi penerimaan kad pembayaran. Dalam jangka panjang, langkah ini dijangka meningkatkan penerimaan kad pembayaran dan mengurangkan kemungkinan kenaikan kos MDR kelak dipindahkan sepenuhnya kepada pengguna.

Rangka Kerja ini dijangka menggalakkan pertumbuhan industri kad pembayaran yang teratur dan mampan dalam jangka panjang. Pengguna akan dapat menggunakan kad pembayaran dengan lebih meluas apabila lebih banyak peniaga sedia untuk menerima kad pembayaran susulan kos penerimaan kad pembayaran yang lebih rendah. Selain kos penerimaan kad pembayaran yang lebih rendah, peniaga juga akan mendapat manfaat daripada kemudahan dan kecekapan operasi yang lebih tinggi, yang terhasil daripada penggunaan kad pembayaran yang lebih meluas. Jumlah urus niaga kad pembayaran yang lebih tinggi juga akan menjana kenaikan hasil kepada bank menerusi perniagaan pemeroleh selain mengurangkan kos pengendalian wang tunai.

Mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran

Sepanjang tahun 2014, Bank dan industri perbankan terus menumpukan usaha dan sumber yang banyak untuk menambah baik akses, kecekapan dan kebolehpercayaan perkhidmatan e-pembayaran di Malaysia.

Pengguna akan dapat menggunakan kad pembayaran dengan lebih meluas hasil daripada kos penerimaan kad pembayaran yang lebih rendah yang ditanggung peniaga

Berkuat kuasa 1 Oktober 2014, struktur penentuan harga berperingkat telah diperkenalkan bagi perkhidmatan e-pembayaran untuk menggalakkan penggunaan saluran pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos. Di bawah struktur penentuan harga baharu, urus niaga perbankan yang dijalankan dalam talian akan dikenakan fi paling rendah, diikuti urus niaga yang dibuat di ATM dan akhir sekali, urus niaga di kaunter (over-the-counter, OTC). Sebagai contoh, fi bagi urus niaga IBG ialah 10 sen menerusi perbankan dalam talian, 30 sen di ATM dan RM2 bagi OTC.

Untuk mengekalkan usaha penambahbaikan yang berterusan terhadap infrastruktur dan perkhidmatan e-pembayaran yang ditawarkan, Bank memperkenalkan rangka kerja Dana Insentif e-Pembayaran (e-Payment Incentive Fund, ePIF) yang berkuat kuasa mulai 2 Januari 2015. Di bawah inisiatif ini, bank dikehendaki menyalurkan fi pemprosesan cek yang diterima untuk menyediakan insentif bagi menggalakkan pelanggan supaya menggunakan e-pembayaran. Ini termasuk memansuhkan fi urus niaga e-pembayaran, fi token keselamatan dan fi penyelenggaraan bulanan.

Untuk terus menggalakkan kesedaran pengguna, ketelusan dan persaingan, bank juga dikehendaki untuk memaparkan butiran perkhidmatan e-pembayaran yang ditawarkan mulai 1 Oktober 2014 di semua cawangan bank dan laman sesawang institusi perbankan, Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia (ABM) dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM). Maklumat ini, yang meliputi

Jadual 5.3

Langkah-langkah untuk Meningkatkan Ketelusan dan Menggalakkan Persaingan dalam Pasaran Kad Pembayaran

Langkah	Rasional	Keperluan Pengawalseliaan
1. Memisahkan kadar diskaun peniaga (merchant discount rate, MDR) bagi kad pembayaran	Untuk memastikan MDR mencerminkan struktur kos kad pembayaran	Pemeroleh perlu memisahkan MDR untuk: • Urus niaga kad debit domestik • Urus niaga kad debit/prabayar antarabangsa • Urus niaga kad kredit
2. Memudahkan pengenalpastian kad debit dan kad prabayar antarabangsa	Untuk membolehkan peniaga membezakan antara kad debit dan kad prabayar dengan kad kredit	Pengeluar perlu memastikan kad debit dan kad prabayar antarabangsa boleh dikenal pasti secara visual dan elektronik
3. Memansuhkan halangan terhadap kad debit yang mempunyai lebih daripada satu aplikasi pembayaran (co-badging)	Untuk meningkatkan persaingan dalam kalangan rangkaian kad debit	• Sebarang peraturan atau amalan yang mengehadkan atau menghalang penggunaan kad debit yang mempunyai lebih daripada satu aplikasi pembayaran (co-badging) adalah dilarang • Pengeluar perlu memastikan keutamaan yang setara diberikan kepada penjenamaan rangkaian kad debit bagi kad debit yang menggunakan lebih daripada satu aplikasi pembayaran
4. Tiada surcaj untuk urus niaga kad debit dan kad prabayar	Untuk menggalakkan penggunaan kad pembayaran yang kos efektif	Pemeroleh perlu memastikan peniaga tidak mengenakan sebarang surcaj atas urus niaga kad debit domestik dan kad debit/prabayar antarabangsa
5. Memperkasakan peniaga untuk mendorong pelanggan supaya menggunakan kad pembayaran yang kos efektif	(a) Untuk membolehkan peniaga memilih/ menerima kad pembayaran dengan kos yang lebih rendah bagi meminimumkan kos pembayaran runcit negara (b) Untuk memastikan penzahiran kos penerimaan kad pembayaran kepada peniaga (c) Untuk memastikan MDR mencerminkan perubahan dalam fi pertukaran, dan menggalakkan persaingan dalam kalangan pemeroleh untuk menurunkan MDR	• Sebarang peraturan atau amalan berkaitan dengan perkara atau kesan yang berikut adalah dilarang: - Mengehadkan atau menghalang peniaga daripada mendorong pelanggan untuk menggunakan kad pembayaran atau rangkaian tertentu - Mengehadkan atau menghalang peniaga daripada menetapkan rangkaian utama untuk kad pembayaran yang mempunyai lebih daripada satu aplikasi pembayaran - Mengehadkan atau menghalang bilangan rangkaian di mana urus niaga boleh disalurkan di terminal semasa jualan (point of sale, POS) - Mengehadkan atau menghalang peniaga daripada memberikan keutamaan yang sama kepada semua rangkaian di POS • Penyata peniaga perlu mengandungi perkara berikut: - MDR untuk setiap urus niaga - Kadar fi pertukaran untuk setiap urus niaga - Alamat laman sesawang rangkaian pembayaran yang memaparkan kadar fi pertukaran - Notis berhubung dengan pengurangan MDR berikutan pengurangan fi pertukaran, atau penjelasan sekiranya tiada penurunan pada MDR
6. Larangan berkaitan hak eksklusif kepada akaun atau kemudahan kredit	Untuk menggalakkan persaingan dalam kalangan rangkaian kad pembayaran dan sistem pembayaran	Sebarang peraturan atau amalan yang mengehadkan atau menghalang akses kepada akaun atau kemudahan kredit menerusi rangkaian kad pembayaran atau sistem pembayaran yang berbeza adalah dilarang
7. Tawaran produk minimum untuk kad pembayaran	Untuk menawarkan lebih banyak pilihan kepada pengguna dan mengelakkan pengeluar mengenakan fi yang berlebihan untuk ciri kad pembayaran yang tidak diperlukan	Pengeluar akan menawarkan pilihan kepada pemegang kad untuk mendapatkan kad pembayaran asas tanpa fi atau dikenakan fi yang nominal. Kad pembayaran asas akan memudahkan pembayaran kepada peniaga di dalam atau luar Malaysia, atau di Malaysia sahaja bergantung pada pilihan pemegang kad

Sumber: Bank Negara Malaysia

fi urus niaga, masa pengkreditan dan had urus niaga, akan membolehkan orang ramai untuk membandingkan perkhidmatan e-pembayaran yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan memilih perkhidmatan terbaik yang boleh memenuhi keperluan mereka.

Berkuat kuasa 1 Oktober 2014, struktur penentuan harga berperingkat diperkenalkan bagi perkhidmatan pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) untuk menggalakkan penggunaan saluran pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos

Kad pembayaran saling boleh kendali

Tahun 2014 juga menyaksikan pelancaran inisiatif Spesifikasi Kad Cip Malaysia (Malaysian Chip Card Specification), iaitu usaha pihak industri yang diselaraskan oleh Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS) dan MyClear, untuk memindahkan kad debit domestik daripada piawaian proprietari semasa kepada piawaian Europay-MasterCard-Visa (EMV). Penggunaan piawaian EMV akan meningkatkan kecekapan, memupuk elemen saling boleh kendali yang lebih baik dan meluaskan penerimaan kad debit domestik oleh peniaga di seluruh negara. Mulai tahun 2015, pemegang kad akan diberikan kad berlandaskan EMV baharu dengan fungsi tanpa sentuhan secara berperingkat. Fungsi tanpa sentuhan akan memberikan lebih banyak kemudahan kepada pemegang kad dan menambah baik kecekapan operasi bagi peniaga menerusi pengurangan masa urus niaga. Langkah perpindahan ini dijangka selesai pada 1 Januari 2018.

MEMPERTINGKATKAN KERJASAMA MERENTAS SEMPADAN DAN SERANTAU

Bank terus aktif dalam penyertaannya di forum serantau yang mempunyai peranan penting dalam usaha menggalakkan integrasi infrastruktur pembayaran dan penyelesaian yang lebih kukuh selain menambahbaik kecekapan dan kestabilan sistem pembayaran. Bank merupakan salah satu anggota dalam beberapa kumpulan kerja sistem pembayaran serantau, termasuk Kumpulan Kerja Sistem Pembayaran di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP), Forum Infrastruktur Penyelesaian Merentas Sempadan ASEAN+3 (ASEAN+3 Cross-border Settlement Infrastructure Forum, CSIF) dan Jawatankuasa Kerja ASEAN Mengenai Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (ASEAN Working Committee on Payment and Settlement Systems, WCPSS).

Pada tahun 2014, WCPSS merumuskan Prinsip Ketelusan dan Penzahiran Produk bagi Penyelesaian Perdagangan Merentas Sempadan (Prinsip) (Principles for Product Transparency and Disclosure on Cross-border Trade Settlement) untuk memastikan pelanggan mempunyai akses maklumat yang tepat pada masanya mengenai caj dan tahap perkhidmatan yang ditawarkan institusi kewangan bagi penyelesaian perdagangan merentas sempadan di rantau ASEAN. Tahap ketelusan yang lebih tinggi juga akan meningkatkan kecekapan penyelesaian dan memudahkan perdagangan antara ekonomi ASEAN. Kumpulan negara pertama yang melaksanakan Prinsip ini ialah Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand, manakala Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar dan Vietnam akan menerima pakai Prinsip ini menjelang akhir tahun 2015. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mencapai integrasi ekonomi serantau yang lebih kukuh seperti yang dihasratkan di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community, AEC), WCPSS juga menjalankan penyelidikan terhadap penggunaan mata wang tempatan untuk penyelesaian perdagangan merentas sempadan dan peningkatan kesalinghubungan pembayaran runcit merentas sempadan untuk memudahkan urus niaga kad pembayaran dan pemindahan dana secara elektronik merentas sempadan.